NO. SOALAN : 218

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada had tuntutan RM25,000.00 bagi Tribunal Tuntutan Pengguna dapat ditingkatkan lagi, supaya pembeli-pembeli bagi nilai barangan dan perkhidmatan, termasuk kenderaan-kenderaan bermotor yang melebihi nilai tuntutan tersebut juga dapat memfailkan tuntutan mereka terhadap pembekal-pembekal yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk menaikkan had bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia melebihi RM25,000.00 berdasarkan faktor berikut:

- Berdasarkan statistik dari tahun 2003 hingga 2013, tuntutan yang difailkan di TTPM untuk nilai yang melebihi RM25,000.00 termasuk tuntutan yang dibuat berdasarkan harga kereta adalah tidak melebihi 1% daripada jumlah keseluruhan tuntutan yang difailkan; dan

- Pengguna masih mempunyai saluran altenatif lain iaitu melalui Mahkamah Sivil untuk mendapatkan hak mereka sekiranya tuntutan yang dibuat adalah melebihi RM 25,000.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa bersedia untuk menambah baik apa-apa penyampaian perkhidmatan sekiranya terdapat keperluan berbuat demikian.

NO. SOALAN: 219

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN :

YB. Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jenis peruntukan atau setiap geran yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau pihak-pihak lain yang berkaitan bagi tujuan promosi dan pemuliharaan Tapak Warisan Sedunia George Town sejak tahun 2008.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO bagi Bandar Melaka dan George Town. Peruntukan bagi Bandar Warisan George Town sebanyak RM20 juta telah disalurkan terus oleh Kementerian Kewangan kepada George Town melalui Khazanah Nasional Berhad. Antara kerja pemuliharaan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara di George Town adalah kerja konservasi Gereja St. George dan Masjid Melayu Acheh dengan menggunakan peruntukan pembangunan Jabatan Warisan Negara dan Kumpulan Wang Warisan selain kerja-kerja pemantauan di tapak-tapak warisan.

Selain itu, antara usaha promosi yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah seperti berikut:

1) Jabatan Warisan Negara dan Pejabat Warisan Dunia (*George Town World Heritage Incorporated*) sentiasa mengadakan program dan aktiviti seperti sambutan Hari UNESCO di peringkat kebangsaan, program kesedaran warisan, penerbitan buku, brosur dan DVD dan sebagainya;

2) Tourism Malaysia menganjurkan program-program Mega Fam bagi ejen-ejen pelancongan dan media antarabangsa ke Tapak Warisan di Pulau Pinang bagi menghasilkan pakej-pakej ke Pulau Pinang dan

meningkatkan nilai media dan publisiti bagi tapak warisan ini, khususnya di arena pelancongan antarabangsa;

3) Tourism Malaysia juga menggunakan sumber-sumber kewangannya bagi menghasilkan risalah dan bahan cetak dengan tema George Town sebagai Tapak Warisan Dunia bagi tujuan promosi; dan

4) Menjemput pihak industri pelancongan di Pulau Pinang menyertai pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti *International Tourism Exchange Berlin* (ITB) dan *World Travel Mart London* (WTM) bagi mempromosikan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]

SOALAN : 220

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah penalti LAD (*Liquidated and Ascertained Damages*) yang telah dikutip daripada Tetuan UEMC-Bina Puri JV dan semua kontraktor yang terlibat dalam projek KLIA2. Berapakah jumlah "*cost over-run*" setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah potongan LAD bagi UEM-Binapuri setakat ini adalah lebih kurang RM6 juta dan potongan adalah berdasarkan progres tuntutan bayaran dari pihak UEM-Binapuri dari semasa ke semasa.

Jumlah maksimum amaun LAD yang telah di potong melalui pembayaran interim daripada kontraktor yang lain adalah lebih kurang RM703 ribu.

Jumlah kos keseluruhan pembinaan klia2 ini kekal RM4 billion ringgit dan untuk makluman tiada kos tambahan ataupun '*cost-overrun*' untuk projek klia2.